

**INTERPERSONAL COMMUNICATION APPROACHES IN DA'WAH BASED ON
SURAH GHAFIR VERSES 28-45**

**PENDEKATAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM DAKWAH BERDASARKAN
AYAT 28-45 SURAH GHAFIR**

Nik Nurul Akmal Ab Alimⁱ & Nur Kamilah Kamaruddinⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Selangor, Malaysia. nikhurulakmal@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Asasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Kampus Dengkil, Selangor, Malaysia. nurkamilah@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 8 September 2025

Revised: 23 December 2025

Accepted: 15 February 2026

Abstract	<p><i>This study analyses interpersonal communication approaches in da'wah based on verses 28-45 of surah Ghafir. The study aims to identify and elucidate the interpersonal communication strategies employed by a believing man from Pharaoh's household in his da'wah dialogue with Pharaoh and his people. A qualitative approach is adopted through thematic analysis of the Quranic text, supported by cross-references to classical and contemporary Quranic exegesis as well as relevant literature on da'wah, interpersonal communication, and Islamic communication ethics. The findings reveal that the believing man applied several effective interpersonal communication strategies in his da'wah. These strategies include an understanding of the background of the audience (mad'u), employing appropriate language, showing respect, rational argumentation, demonstrating empathy, a balanced appeal to fear and hope, and the prioritisation of tawhid in da'wah. The study demonstrates that the integration of these approaches contributes to strengthening contemporary methodologies of interpersonal da'wah. The findings offer practical implications for contemporary da'wah, highlighting the need for preachers to apply Quranic communication strategies to enhance the effectiveness of their outreach.</i></p> <p>Keywords: Surah Ghafir, Da'wah, Communication, Interpersonal, Method.</p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini menganalisis pendekatan komunikasi interpersonal dalam dakwah berdasarkan surah Ghafir ayat 28-45. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan pendekatan komunikasi interpersonal dakwah yang diaplikasikan oleh seorang lelaki mukmin daripada keluarga Firaun dalam dialog dakwahnya dengan Firaun dan kaumnya. Pendekatan kualitatif melalui analisis tematik teks al-Quran digunakan, dengan rujukan silang tafsir dan sumber literatur berkaitan dakwah, komunikasi interpersonal dan etika komunikasi Islam. Hasil analisis mendapati bahawa lelaki beriman ini mengaplikasikan beberapa strategi komunikasi interpersonal dalam dakwah yang berkesan. Pendekatan-pendekatan tersebut meliputi kefahaman terhadap latar belakang mad'u, penggunaan bahasa yang sesuai, penghormatan, rasionaliti, empati, keseimbangan emosi takut dan harap, dan</i></p>

	<p><i>keutamaan tauhid dalam dakwah. Dapatan menunjukkan bahawa gabungan pendekatan-pendekatan tersebut mampu memperkukuh metodologi dakwah interpersonal masa kini. Implikasi kajian ini ialah panduan praktis bagi pendakwah masa kini untuk memanfaatkan strategi komunikasi Qurani yang lebih efektif, meyakinkan akal dan menyentuh hati sasaran dakwah.</i></p> <p>Kata kunci: Surah Ghafir, Dakwah, Komunikasi, Interpersonal, Metode.</p>
--	--

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama dakwah iaitu agama yang menyeru penganutnya melaksanakan amar makruf nahi mungkar sebagai sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan. Dakwah dan manusia tidak dapat dipisahkan kerana kehidupan di dunia merupakan medan pertembungan antara kebenaran dan kebatilan. Justeru, banyak ayat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW mengandungi perintah melaksanakan dakwah atau motivasi untuk baginda dan umat Islam agar terus melaksanakan misi mulia ini.

Pada asasnya, tugas dakwah merupakan tanggungjawab para Rasul, iaitu mengajak manusia beriman dan mengesakan Allah SWT serta menjauhi segala bentuk kesyirikan. Namun, tanggungjawab ini tidak terhad kepada para Rasul semata-mata, bahkan turut dipikul oleh umat Islam.

Hal ini bertepatan dengan kaedah usul fiqh yang menyatakan bahawa setiap perintah yang ditujukan kepada Rasulullah SAW adalah umum kepada seluruh umat Islam kecuali terdapat dalil yang mengkhususkannya (Qadir al-Pakistani, 2002). Abd al-Karim Zaidan (2002) menegaskan bahawa urusan dakwah tidak termasuk dalam perkara yang dikhususkan kepada Nabi SAW, justeru umat Islam turut berkongsi tanggungjawab tersebut. Firman Allah SWT:

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴾

Maksudnya, "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang yang fasik" (al-Quran. Ali Imran: 110).

Ayat ini menegaskan umat Muhammad SAW adalah sebaik-baik umat kerana pelaksanaan *amar makruf nahi mungkar*, sekali gus menunjukkan kemuliaan dan ketinggian tugas dakwah di sisi Allah SWT (Amru Khalid, 2021). Seluruh umat Islam dituntut menyampaikan kebenaran dan rahmat Islam kepada manusia, sebagaimana sabda Nabi SAW: "Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat..." (Hadis. Al-Bukhari. Bab Ma Dhukira 'An Bani Israil. 3461). Hadis ini menegaskan bahawa tanggungjawab menyampaikan ilmu wahyu bukan terbatas kepada golongan agamawan, bahkan meliputi seluruh umat Islam (Al-Kurani, 2008).

Dalam melaksanakan dakwah, pendakwah perlu memahami matlamat utama dakwah, iaitu memperbaiki perilaku mad'u selaras dengan ajaran Islam (Halimatus Sakdiah, 2017). Oleh itu, pemilihan pendekatan dakwah yang sesuai, khususnya dari aspek komunikasi amat penting. Keberkesanan dakwah sangat bergantung kepada pendekatan komunikasi yang digunakan oleh pendakwah (Abu Sofi Hasbullah et al., 2023).

Antara pendekatan yang sering diaplikasikan ialah komunikasi interpersonal, yang terbukti berkesan dalam dakwah Rasulullah SAW, terutamanya pada peringkat awal dakwah di Mekah (Halimatus Sakdiah, 2017). Pendekatan komunikasi interpersonal yang

tepat mampu memberi kesan positif kepada sasaran dakwah, manakala kelemahan komunikasi pula boleh menatijahkan dakwah yang tidak berkesan.

Menurut Safinah Ismail et al. (2020), kegagalan komunikasi sering menjadi punca konflik dalam hubungan interpersonal, manakala komunikasi yang berkesan berperanan sebagai penyelesaian masalah. Jumali et al. (2012, dalam Safinah Ismail et al., 2020) menyatakan bahawa penggunaan bahasa dan pemilihan perkataan yang tidak sesuai merupakan antara halangan utama komunikasi berkesan. Oleh itu, kefahaman terhadap prinsip dan teori komunikasi yang betul sangat penting bagi menarik minat masyarakat terhadap dakwah yang disampaikan.

Berdasarkan kepentingan komunikasi interpersonal dalam menjayakan misi dakwah, al-Quran menyediakan model komunikasi dakwah yang komprehensif melalui dialog-dialog para nabi dan orang beriman. Antara contoh yang signifikan ialah dialog dakwah seorang lelaki beriman daripada keluarga Firaun sebagaimana yang dirakamkan dalam ayat 28-45 surah Ghafir.

Ayat-ayat ini memperlihatkan pelbagai pendekatan komunikasi interpersonal yang diaplikasikan secara berhikmah, rasional dan berkesan dalam menyampaikan kebenaran kepada pihak berautoriti dan masyarakat umum. Oleh itu, analisis terhadap ayat-ayat ini penting bagi mengenal pasti metodologi komunikasi dakwah Qurani yang boleh dijadikan panduan praktis kepada pendakwah dalam konteks semasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penelitian deskriptif diaplikasikan melalui analisis yang dibuat ke atas ayat 28-45 surah Ghafir. Bagi menganalisis ayat-ayat al-Quran ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tematik bagi tujuan menyaring setiap pendekatan komunikasi interpersonal yang terdapat di dalam ayat 28-45 surah Ghafir.

Setiap pendekatan tersebut telah dianalisis secara kritis oleh pengkaji dengan berpandukan beberapa kitab tafsir muktabar. Selain daripada itu, kajian kepustakaan turut dilaksanakan dalam meneliti literatur kajian berpandukan artikel-artikel yang telah dihasilkan berkaitan dakwah, metode dakwah, komunikasi interpersonal, etika serta isu komunikasi dalam Islam.

KONSEP KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM DAKWAH

Istilah dakwah berasal daripada perkataan Arab *da'a* yang bermaksud memanggil, menyeru dan mengajak (Ibn Manzur, 1993). Mu'jam al-Wasith mentakrifkan dakwah sebagai suatu bentuk permintaan, dorongan dan ajakan, manakala individu yang melaksanakan aktiviti tersebut dikenali sebagai *da'i* (Sya'ban Abdul 'Athi 'Athiyyah et al., 2004).

Ahmad Ghalwash (1987) pula mendefinisikan dakwah sebagai ilmu yang membincangkan kaedah penyampaian Islam merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak kepada manusia. Menurut beliau, dakwah Islamiyyah ialah seruan kepada agama Islam sebagai agama yang diredai Allah SWT dan diwahyukan kepada Rasulullah SAW melalui al-Quran dan al-Sunnah.

Halimatus Sakdiah (2017) menegaskan bahawa dakwah merupakan proses penyampaian mesej kepada *mad'u* dengan tujuan mengajak kepada jalan kebenaran melalui interaksi sosial yang melibatkan pengaruh timbal balik sehingga menghasilkan perubahan atau pembaikan tingkah laku. Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dakwah dapat dirumuskan sebagai satu bentuk interaksi sosial dalam menyampaikan ajaran Islam kepada manusia melalui pelbagai kaedah yang selari dengan syariat, dengan tujuan memperbaiki perilaku *mad'u* agar selaras dengan kehendak Allah SWT.

Kefahaman ini selari dengan rukun dakwah yang dikemukakan oleh Abdul Karim Zaidan (2002), iaitu intipati dakwah (*maudhu' al-dakwah*), pendakwah (*da'i*), sasaran dakwah (*mad'u*), serta kaedah dan pendekatan dakwah (*asalib wa wasa'il al-dakwah*). Dalam proses mempengaruhi *mad'u*, kemahiran komunikasi yang berkesan memainkan peranan yang sangat penting.

Komunikasi merupakan proses penciptaan dan perkongsian idea, dan keberkesannya bergantung kepada kejelasan serta kesuburan idea yang disampaikan (Samsiah Si Rajab et al., 2021). Sillars (1988, dalam Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus, 2016) mendefinisikan komunikasi sebagai proses penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat dan idea melalui lisan, tulisan atau visual agar mesej dapat difahami dengan jelas.

Halimatus Sakdiah (2017) pula menjelaskan bahawa komunikasi bertujuan menghasilkan perubahan sikap, pendapat, perilaku dan sosial. Justeru, komunikasi dapat difahami sebagai proses penyampaian mesej yang berfungsi mempengaruhi dan membentuk tingkah laku penerima. Salah satu bentuk komunikasi yang signifikan dalam dakwah ialah komunikasi interpersonal.

Menurut Zulkefli dan S. Salahudin (2012), komunikasi interpersonal ialah komunikasi antara individu yang berlaku secara bersemuka dan melibatkan penciptaan makna serta perkongsian idea melalui interaksi langsung. Citra Anggraini et al. (2022) turut menjelaskan bahawa komunikasi interpersonal memungkinkan kedua-dua pihak saling mempengaruhi persepsi dan menangkap reaksi secara langsung, sama ada secara verbal atau bukan verbal.

Komunikasi interpersonal terbahagi kepada komunikasi diadik dan komunikasi kelompok kecil, yang lazimnya berlaku antara individu yang mempunyai hubungan sosial tertentu (Halimatus Sakdiah, 2017). Dalam konteks dakwah, komunikasi interpersonal dikenali sebagai *al-dakwah al-fardiyyah*, iaitu proses penyampaian mesej Islam antara pendakwah dan individu atau kelompok kecil *mad'u*, sama ada secara spontan atau terancang (Zulkefli & S. Salahudin, 2012).

Oleh itu, komunikasi interpersonal dalam dakwah dapat dirumuskan sebagai proses penyampaian mesej berasaskan al-Quran dan Sunnah secara bersemuka yang bertujuan mempengaruhi, mengubah dan memperbaiki diri *mad'u* selaras dengan ajaran Islam.

LATAR BELAKANG SURAH GHAFIR

Surah Ghafir merupakan surah ke-40 dalam mushaf resam 'Uthmani dan surah ke-60 yang diturunkan selepas surah al-Zumar dan sebelum surah Fussilat (Ibn 'Ashur, 1984). Surah ini mengandungi 85 ayat, 1119 kalimah dan 4960 huruf (al-Durrah, 2009). Menurut Quraish Shihab (2003), para ulama tafsir bersepakat bahawa keseluruhan ayat dalam surah ini dikategorikan sebagai Makkiyyah iaitu diturunkan sebelum Nabi SAW berhijrah ke Kota Madinah.

Dinamakan dengan nama Ghafir kerana pada awal ayat ke-3 dan ayat ke-42 surah ini Allah SWT menyebutkan sifat-Nya yang mulia iaitu Tuhan yang Maha Mengampunkan dosa (Quraish Shihab, 2003). Dinamakan juga dengan nama al-Mukmin kerana ayat ke-28 hingga 45 surah ini menceritakan tentang kisah seorang lelaki beriman (*rajulun mukmin*) dari keluarga Firaun yang menyembunyikan keimanannya (al-Durrah, 2009; Ibn 'Ashur, 1984 & Quraish Shihab, 2003).

Dalam hadis riwayat al-Tirmizi daripada Abu Hurairah r.a katanya, telah bersabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Sesiapa yang membaca Hamim al-Mukmin sehingga ayat إليه المصير [Ghafir: 1-3] dan ayat al-Kursi ketika bangun pada waktu pagi, maka dia memperoleh pemeliharaan sehingga ke waktu petang, dan barangsiapa yang membacanya waktu petang, maka dia akan dipelihara sehingga ke waktu pagi" (Hadis. al-Tirmizi. *Ma Jaa Fi Fadhli Surah al-Baqarah Wa Ayat al-Kursi*. 2879. Al-Tirmizi mengatakan hadis ini *gharib*).

Hadis di atas menerangkan dua perkara iaitu nama lain bagi surah ini ialah surah al-Mukmin dan kelebihan membacanya. Menurut Sayyid Qutb (2000), surah ini membicarakan tentang persoalan kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran, persoalan dakwah dan perdustaan terhadap dakwah.

Ia juga membicarakan tentang manusia yang berlagak angkuh di muka bumi dengan sewenang-wenangnya, di samping menerangkan tentang azab Allah SWT. Surah ini juga memperjelaskan tentang kedudukan orang beriman yang mendapat pertolongan Allah dan *istighfar* dari malaikat, mendapat pengabulan doa serta nikmat di akhirat. Objektif utama surah ini adalah seruan dakwah kepada Allah yang Maha Pengampun.

Menurut Ibn 'Ashur (1984), surah ini menjelaskan beberapa objektif dakwah kepada keimanan. Antara matlamat dakwah yang dikemukakan ialah mengajak manusia mengesakan Allah, huraian tentang sifat-sifat Allah, menolak hujah penentang ayat-ayat Allah, dakwah seorang lelaki beriman, pertolongan Allah kepada pendakwah dan orang beriman, doa dan permohonan keampunan para malaikat untuk orang beriman serta peringatan kepada orang yang sesat.

Surah ini menyuntik motivasi kepada para pendakwah agar terus berdakwah dan membawa manusia menuju Tuhan yang Maha Pengampun (Syaari Ab Rahman & Fakhrul Islam, 2023). Kandungan surah ini juga memberi pesanan kepada pendakwah agar tidak takut dan lemah terhadap cercaan dalam memperjuangkan agama Allah, di samping suruhan untuk bertawakkal dan berserah sepenuhnya kepada Allah SWT setelah usaha dakwah dilaksanakan (Amru Khalid, 2021).

Setelah meneliti kandungan surah ini, pengkaji menyimpulkan bahawa surah Ghafir merupakan surah dakwah, kerana sebahagian besar daripada ayat dalam surah ini menjelaskan tentang elemen dakwah seperti dakwah Nabi Musa a.s, dakwah lelaki mukmin, pengampunan dan pemeliharaan Allah terhadap pendakwah, nasihat buat para pendakwah dan intipati dakwah. Antara intipati dakwah ialah mengajak manusia mentauhidkan Allah, mengajar manusia cara menyembah Allah dengan benar dan memurnikan peribadi manusia.

ANALISIS PENDEKATAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM DAKWAH BERDASARKAN AYAT 28-45 SURAH GHAFIR

Ayat 28-45 surah Ghafir menceritakan satu peristiwa baharu yang belum pernah diceritakan di dalam kisah Nabi Musa a.s dalam surah-surah lain, iaitu kisah kemunculan seorang lelaki mukmin dari keluarga Firaun yang menyembunyikan keimanannya. Kisah tentang lelaki mukmin ini hanya terdapat di dalam surah Ghafir sahaja (Sayyid Qutb, 2000).

Kisah ini berkisar tentang seorang lelaki beriman (*rajulun mukmin*) yang tampil berani membela Musa a.s dan menyampaikan nasihat dakwah kepada Firaun dan pengikutnya. Para mufassir menyatakan bahawa lelaki ini ialah sepupu Firaun sendiri, iaitu seorang lelaki Qibti yang menyembunyikan keimanannya daripada pengetahuan Firaun (Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, 2009).

Ibnu Abbas berkata, tidak ada seorang pun daripada keluarga Firaun yang beriman melainkan tiga orang iaitu, lelaki beriman ini, isteri Firaun (Asiah binti Muhazim) dan seorang lelaki yang datang bergegas dari hujung kota sambil berkata, "*Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuhmu*" (al-Qasas, ayat 20) (al-Zuhaili, 2014).

Fokus ayat 28-45 adalah berkaitan dialog antara lelaki mukmin ini dengan Firaun dan pengikutnya. Kandungan utama dialog tersebut ialah nasihat dakwah untuk Firaun dan pengikutnya agar menerima kebenaran dan meninggalkan kebatilan. Lelaki ini mengemukakan hujah yang benar dan alasan yang kuat dalam dakwahnya terhadap Firaun, di samping mengingatkan mereka tentang hari Kiamat dengan uslub yang berkesan (Sayyid Qutb, 2000).

Setelah meneliti ayat 28-45, pengkaji telah mengenalpasti beberapa pendekatan komunikasi interpersonal yang dipraktikkan oleh lelaki mukmin ini ketika menyampaikan dakwah kepada Firaun dan pengikutnya. Metode komunikasi interpersonal dalam dakwah yang digunakan oleh lelaki ini adalah seperti berikut:

Pendekatan Pertama: Memahami Latar Belakang *Mad'u* Dan Penggunaan Bahasa Yang Sesuai

Sebelum memulakan komunikasi interpersonal dalam dakwah, pendekatan awal yang perlu dibuat oleh pendakwah ialah mengkaji dan meneliti latar belakang persekitaran dan kelompok sasaran dakwah (Zulkefli & S.Salahudin, 2012). Kefahaman terhadap latar belakang *mad'u* amat penting bagi memastikan pendekatan komunikasi interpersonal yang digunakan bersesuaian dan berkesan. Pemilihan bahasa dan isi bicara perlu mengambil kira aspek sosiobudaya, gaya hidup, dan sensitiviti emosi masyarakat agar mesej yang disampaikan dapat mempengaruhi sasaran dakwah dengan berkesan.

Pendekatan ini dapat dilihat pada ayat 28 surah Ghafir ketika lelaki mukmin ini memulakan ucapan dakwahnya. Dalam usaha menyampaikan mesej tauhid, beliau tidak secara terbuka mengisytiharkan keimanannya, sebaliknya memilih untuk menyembunyikannya pada peringkat awal dakwah. Tindakan ini merupakan langkah berhati-hati bagi mengelakkan penolakan awal daripada Firaun dan pengikutnya yang dikenali sangat memusuhi dakwah Nabi Musa a.s. (al-Durrah, 2009).

Langkah ini menunjukkan bahawa beliau memahami situasi dan psikologi *mad'unya* dengan mendalam, sekaligus menjadi contoh penting bagi pendakwah agar tidak menyentuh isu sensitif pada peringkat permulaan dakwah. Strategi ini amat penting bagi memastikan seruan dakwah dapat berjalan dengan lancar dan tidak terganggu di fasa awal dakwah.

Selain itu, beliau juga menunjukkan kepekaan terhadap pemilihan bahasa dan perkataan yang sesuai dengan situasi *mad'u*. Perkara ini dapat dilihat melalui ucapannya:

﴿أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَنْ يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ﴾

Maksudnya, "Patutkah kamu membunuh seorang lelaki kerana ia menegaskan: "Tuhanku ialah Allah?" (al-Quran. Ghafir: 28).

Menurut al-Durrah (2009), dalam ucapan lelaki ini, beliau menggunakan perkataan *rajulan* (seorang lelaki) merujuk kepada Nabi Musa a.s. Beliau tidak menyebut nama Musa AS secara langsung atau memanggilnya dengan panggilan utusan Allah (*Rasulullah / Nabiullah*).

Strategi ini bertujuan mengelakkan kemarahan Firaun yang memusuhi Musa a.s. secara peribadi. Bahkan, dalam ayat berikutnya lelaki ini menunjukkan sikap kesederhanaan dan tidak menunjukkan ketaksuban terhadap Nabi Musa a.s di hadapan Firaun. Hal ini dapat dilihat melalui ucapannya:

﴿وَإِنْ يَكُ كَذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُ وَإِنْ يَكُ صَادِقًا يُصِيبْكُمْ بَعْضُ الَّذِي يَعِدُكُمْ﴾

Maksudnya, "Jika dia (*Musa a.s*) seorang yang berdusta maka dialah yang akan menanggung dosa dustanya itu, dan jika dia seorang yang benar nescaya kamu akan ditimpa oleh sebahagian dari (*azab*) yang dijanjikannya kepada kamu" (al-Quran. Ghafir: 28).

Dalam ucapan di atas, deskripsi negatif didahulukan daripada positif. Dalam konteks tersebut, ucapan ini bukanlah bermaksud lelaki mukmin tersebut ragu terhadap dakwah Nabi Musa a.s, tetapi ia merupakan strategi komunikasi berhemah yang menonjolkan sikap sederhana dan tidak fanatik (al-Zuhaili, 2014). Pendekatan ini dapat menenangkan suasana dan mengelakkan konfrontasi awal yang boleh menjejaskan objektif dakwah, seterusnya dapat menjaga kepercayaan Firaun dan pengikutnya di peringkat awal dakwah.

Dalam konteks dakwah semasa, ayat di atas menyarankan agar pendakwah mengkaji terlebih dahulu latar belakang *mad'u* sebelum memulakan aktiviti dakwah. Pendakwah perlu memahami dengan mendalam aspek emosi, sensitiviti, dan cara fikir *mad'u*. Pemilihan kata, nada ucapan, dan isi kandungan mesej harus disesuaikan dengan latar belakang dan keadaan *mad'u* agar dapat membina kepercayaan dan hubungan baik dengan mereka. Hal ini selari dengan hadis Nabi SAW:

{ حَدِّثُوا النَّاسَ، بِمَا يَعْرِفُونَ أَحْسَبُونَ أَنْ يُكَذَّبَ، اللَّهُ وَرَسُولُهُ }

Maksudnya, "Berbicaralah kepada manusia sesuai dengan apa yang mereka fahami. Adakah engkau ingin Allah dan Rasul-Nya didustakan?" (Hadis. al-Bukhari. Bab Man Khassa bi al-'Ilm Qauman Duna Qaumin Karahiyyah An La Yafhamu. 127).

Justeru, dengan memahami latar belakang *mad'u* secara menyeluruh, pendakwah dapat merancang strategi komunikasi interpersonal yang lebih tersusun, seperti pemilihan bahasa dan isi percakapan yang sesuai ketika aktiviti dakwah berlangsung. Kefahaman terhadap latar belakang *mad'u* yang baik akan membina hubungan baik dan rasa percaya antara pendakwah dan sasaran, terutamanya di peringkat awal aktiviti dakwah.

Hubungan baik dan rasa percaya antara pendakwah dan *mad'u* di fasa awal dakwah sangat penting dalam memastikan proses dakwah selanjutnya dapat diteruskan. Perkara ini juga akan memudahkan persefahaman berlaku dan mewujudkan empati antara pendakwah dan *mad'u*, seterusnya akan memberi kesan baik terhadap penerimaan mesej dakwah oleh sasaran.

Pendekatan Kedua: Penggunaan Panggilan Yang Menggambarkan Kesamaan Dan Penghormatan

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi komunikasi interpersonal dalam dakwah, antaranya ialah faktor kesamaan dan kedekatan (Zulkefli & S. Salahudin, 2012). Kesamaan bermaksud keadaan atau hal yang sama (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.t) ia merujuk kepada sesuatu perkara yang mempunyai kesamaan seperti kaum, bangsa, jantina, umur, agama dan sebagainya (Abd Hadi Borham et al, 2018).

Secara psikologi, aspek persamaan dapat menimbulkan minat atau menarik perhatian seseorang terhadap sesuatu serta mendorong seseorang menerima sesuatu perkara. Dalam dakwah, aspek kesamaan ini sangat penting dalam membantu membina hubungan dan kepercayaan antara pendakwah dan *mad'u* (Abd Hadi Borham et al, 2018). Aspek kesamaan ini boleh digunakan dalam komunikasi interpersonal dakwah bagi menggambarkan kebersamaan dan keterdekatan pendakwah dengan *mad'unya*.

Penggunaan panggilan yang menggambarkan kesamaan dan keterdekatan antara mereka ketika aktiviti dakwah berlangsung dapat menarik perhatian golongan sasaran kepada mesej dakwah yang disampaikan. Pendekatan ini telah digunakan oleh lelaki tersebut dalam dakwahnya kepada Firaun dan pengikutnya. Metode ini dapat dilihat daripada beberapa kalimah panggilan yang digunakan oleh lelaki ini dalam dialog dakwahnya.

Panggilan "*wahai kaumku*" (يا قوم) diulang sebanyak enam kali dalam dialog tersebut iaitu pada ayat 29, 30, 32, 38, 39 dan 40. Penggunaan panggilan "*ya qaumi*" ini menggambarkan kesamaan dari sudut kaum, bangsa, keturunan dan budaya antara beliau dan Firaun serta pengikutnya. Pendekatan ini digunakan bagi menggambarkan keterdekatan hubungan antara beliau dengan sasaran dakwahnya. Malah, lelaki Mukmin ini juga menggunakan bentuk komunikasi kolektif dalam dialognya, berdasarkan firman-Nya:

﴿يَقْوَمُ لَكُمْ الْمَلِكُ الْيَوْمَ ظَاهِرِينَ فِي الْأَرْضِ فَمَنْ يَنْصُرُنَا مِنْ بَأْسِ اللَّهِ إِنْ جَاءَنَا﴾

Maksudnya, "Wahai kaumku! Pada hari ini kepunyaan kamulah kuasa memerintah dengan bermaharajalela di muka bumi (Mesir dan sekitarnya; tetapi kiranya keadaan bertukar) maka siapakah yang akan membela kita dari azab Allah kalau azab itu datang menimpa kita?..." (al-Quran. Ghafir: 29).

Berdasarkan ayat di atas, beliau memasukkan dirinya ke dalam kedua-dua *dhamir* dari dua *fi'il* iaitu pada kalimah "membela kita" (يَنْصُرُنَا) dan kalimah "menimpa kita" (جاءنا) bagi memperlihatkan bahawa beliau adalah sebahagian daripada mereka dan kebersamaannya dengan kaumnya (al-Zuhaili, 2014). Beliau menggunakan bahasa yang

bersifat inklusif iaitu “kita” bagi menggambarkan kebersamaan bersama kaumnya serta menolak unsur pengasingan dan kesombongan.

Pendekatan ini menunjukkan keterdekatan dan kebersamaan beliau bersama sasaran dakwahnya. Panggilan sebegini merupakan salah satu kaedah pemujukan lemah-lembut bertujuan mendorong Firaun dan kaumnya untuk memberi perhatian kepada amaran dan peringatannya, serta menyedarkan mereka tentang keikhlasannya untuk menyelamatkan mereka daripada azab Allah SWT.

Penggunaan panggilan yang menggambarkan kebersamaan dan keterdekatan dalam komunikasi interpersonal semasa proses dakwah berlangsung dapat membina hubungan baik antara pendakwah dan *mad'u*, seterusnya dapat menarik perhatian *mad'u* terhadap dakwah. Di samping itu, pendakwah juga perlu memuliakan *mad'u* ketika aktiviti dakwah berlaku.

Elemen memperleceh atau merendahkan sasaran dakwah perlu dielakkan ketika menyampaikan mesej dakwah supaya *mad'u* tidak menjauhkan diri daripada dakwah. Dalam berkomunikasi dengan *mad'u*, pendakwah perlu meletakkan sasaran dakwahnya sesuai dengan posisinya dalam masyarakat dan menjaga kehormatan insaninya. Bahkan Nabi SAW menganjurkan penghormatan kepada manusia meskipun bukan dalam urusan dakwah, sabda baginda SAW:

{ إِذَا أَتَاكُمْ كَرِيمٌ قَوْمٍ فَأَكْرِمُوهُ }

Maksudnya, “Jika datang kepada kalian orang yang dihormati dalam masyarakatnya, maka hormatilah dia” (Hadis. Ibn Majah. Bab Idha Atakum Karimu Qaumin Fa'akrimuhu. 3712).

Pendekatan ini telah digunakan oleh lelaki mukmin tersebut ketika menyampaikan dakwahnya melalui kata-kata beliau berdasarkan ayat:

﴿يَنْقُورُ لَكُمْ الْمَلِكُ الْيَوْمَ ظَهْرِينَ فِي الْأَرْضِ﴾

Maksudnya, “Wahai kaumku! Pada hari ini kepunyaan kamulah kuasa memerintah di muka bumi (Mesir dan sekitarnya)...” (al-Quran. Ghafir: 29).

Ayat di atas menjelaskan bahawa beliau memuliakan sasaran dakwahnya dan memposisikan mereka pada posisi yang selayaknya bagi mereka walaupun Firaun ketika itu berada di puncak keangkuhan dan kesombongan (Amru Khalid, 2011).

Memuji dan mengiktiraf kelebihan yang Allah anugerahkan kepada Firaun dapat membantu beliau mengurus situasi dan emosi sasaran dakwahnya. Pemuda beriman ini menjaga keadaan psikologi *mad'unya* yang merupakan manusia paling zalim pada zamannya dengan mengiktiraf kelebihan dan kekuasaan Firaun.

Ayat ini mengajar para pendakwah agar memuliakan *mad'unya* tanpa memperkecilkan atau merendahkan mereka atas dosa dan kesalahan yang mereka lakukan. Hal ini sesuai dengan fitrah manusia yang menyukai penghormatan dari orang sekeliling dan selari dengan penjagaan maruah manusiawi dalam ajaran Islam. Pendakwah perlu meletakkan *mad'u* pada posisi yang selayaknya dan mengiktiraf kelebihan *mad'u* serta memanggil *mad'u* dengan panggilan yang disukainya.

Pendekatan ini merupakan metode pemujukan secara halus dan lemah-lembut yang akan memberi kesan kepada psikologi *mad'u* terutama emosi dan perasaan mereka. Perkara ini akan membuatkan diri *mad'u* berasa dekat, diberi perhatian serta dihargai (Nor Diyanah et al, 2023). Panggilan yang baik dan mulia juga merupakan salah satu cara pendakwah mengiktiraf kelebihan *mad'u* dan memuliakannya.

Panggilan yang baik dan mulia perlu dipraktikkan oleh pendakwah tanpa mengira pangkat dan kedudukan *mad'u*. Jiwa seseorang akan tersinggung jika dipanggil dengan panggilan buruk, seperti halnya ia akan senang dan gembira apabila dipanggil dengan panggilan yang baik dan mulia. Pendakwah disarankan memanggil sasaran dakwahnya dengan panggilan nama yang disenangi oleh *mad'unya* untuk kepentingan dakwah, kerana nama atau panggilan merupakan penanda dan identiti diri seseorang serta kebanggaan bagi

pemilikinya. Ia merupakan praktis perkataan halus yang menggambarkan penghormatan kepada *mad'u* (Imam Sadili, 2020).

Penggunaan panggilan yang mulia kepada *mad'u* termasuk dalam kategori *qaulan karima* yang disarankan dalam al-Quran. *Qawlan Karima* meletakkan satu prinsip utama dalam etika komunikasi Islam yaitu penghormatan. Dalam Islam, komunikator perlu memperlakukan orang lain dengan penuh rasa hormat (Zikmal Fuad & Ahmad 'Ato'a Mokhtar, 2014).

Komunikasi interpersonal dalam dakwah yang dibuka dengan memanggil nama atau panggilan terbaik untuk lawan bicara akan memberi kesan yang efektif terhadap dakwah. Panggilan yang baik dan mulia dapat membina kepercayaan (*thiqah*) *mad'u* kepada pendakwah. Ia merupakan '*common sense*' yang perlu diambil perhatian dan dititikberatkan agar tidak menimbulkan isu yang kurang enak didengar dan tidak menjauhkan *mad'u* daripada seruan dakwah. Dengan strategi ini, kaum lemah merasa dihargai dan kaum mulia merasa dihormati.

Pendekatan Ketiga: Menunjukkan Rasa Empati Dalam Komunikasi

Empati merupakan keupayaan untuk memahami dan menyelami perasaan, pemikiran dan pengalaman individu lain. Ini berlaku apabila seseorang itu berupaya meletakkan dirinya dalam situasi orang lain, seterusnya melihat dunia dari perspektif mereka (Nurqodriani et al., 2024). Empati sangat penting bagi memupuk pemahaman mendalam dan hubungan baik dalam komunikasi interpersonal.

Dalam menyebarkan dakwah, individu yang terlibat dengan usaha ini perlu menunjukkan rasa empati ketika berkomunikasi dengan masyarakat. Allah SWT merakamkan nilai empati yang ditunjukkan oleh lelaki mukmin dalam dakwah kepada Firaun dan pengikutnya. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan kalimah "*akhafu*" (aku bimbang) secara berulang dalam ayat ke-30 dan 32 yang menggambarkan rasa empati lelaki mukmin tersebut terhadap sasaran dakwahnya.

Rasa empati tersebut berkait rapat dengan kebimbangan terhadap dua jenis balasan azab yang bakal menimpa sekiranya mereka ingkar. Pertama, azab di dunia sepertimana azab yang telah menimpa umat terdahulu dinyatakan pada ayat ke-30 dan azab di akhirat yang disebutkan pada ayat ke-32 surah Ghafir (al-Durrah, 2009). Firman Allah SWT:

﴿ وَقَالَ الَّذِي ءَامَنَ يَقَوْمِ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ مِثْلَ يَوْمِ الْأَحْزَابِ ﴾

Maksudnya, "Dan berkatalah pula orang yang beriman itu: "Wahai kaumku! Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa (kebinasaan) sebagaimana yang telah menimpa kaum-kaum yang bergabung (menentang Rasul-rasulnya)!" (al-Quran. Ghafir: 30).

﴿ وَيَقَوْمِ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ التَّنَادِ ﴾

Maksudnya, "Dan, wahai kaumku! Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa azab seksa hari (kiamat) yang padanya masing-masing menjerit-jerit memanggil (memohon pertolongan)." (al-Quran. Ghafir: 32).

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, lelaki mukmin tersebut menzahirkan kebimbangannya terhadap nasib buruk yang bakal menimpa Firaun dan pengikutnya jika mereka mengganggu Nabi Musa a.s. Beliau menjelaskan tentang bencana duniawi yang menimpa umat terdahulu akibat daripada memusuhi para nabi, menolak dakwah nabi dan mempertahankan kemusyrikan mereka (Quraish Shihab, 2003).

Di samping itu, beliau menerangkan tentang seksa ukhrawi pada hari kiamat yang dinisbahkan kepada *yaum al-tanad*. Hal ini menunjukkan bahawa seorang pendakwah perlu meletakkan dirinya dalam situasi orang lain, di mana dia menginginkan kebaikan bagi orang lain sebagaimana dia menginginkan kebaikan untuk dirinya sendiri serta membenci keburukan menimpa orang lain sebagaimana dia membenci keburukan yang menimpa dirinya sendiri. Inilah yang disebut sebagai memiliki rasa empati.

Di samping itu, penggunaan seruan “*wahai kaumku*” menunjukkan bahawa lelaki mukmin tersebut meletakkan dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat Mesir, serta mencerminkan hasratnya untuk menasihati mereka dengan penuh kasih sayang dan empati demi kebaikan dan keselamatan di dunia dan akhirat (Habannakah al-Maidani, 2014). Sehubungan itu, para pendakwah yang memiliki nilai empati perlu mempunyai rasa tanggungjawab untuk menyelamatkan manusia daripada azab di dunia dan akhirat.

Tanggungjawab menyelamatkan umat ini dilaksanakan atas dasar tuntutan dakwah. Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾﴾

Maksudnya, “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat sedemikian ialah orang yang berjaya.” (al-Quran. Ali ‘Imran: 104).

Ayat di atas menjelaskan bahawa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran merupakan perintah Allah yang mesti dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Seterusnya, tanggungjawab menyelamatkan umat ini dilaksanakan atas dasar kasih sayang sesama manusia. Nilai kasih sayang sebenar yang diiktiraf di sisi Allah SWT adalah menyelamatkan seseorang daripada azab neraka. Sabda Nabi SAW:

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا مَثَلِي وَمَثَلُ أُمَّتِي كَمَثَلِ رَجُلٍ اسْتَوْقَدَ نَارًا فَجَعَلَتْ الدَّوَابُّ وَالْفَرَاشُ يَقَعْنَ فِيهِ فَأَنَا آخِذٌ بِجُحْرِكُمْ وَأَنْتُمْ تَفْحَمُونَ فِيهِ}

Daripada Abu Hurairah r.a berkata, Rasulullah SAW bersabda, “*Sesungguhnya perumpamaan diriku dengan umatku adalah seperti seorang lelaki yang menyalakan api. Ketika itu, binatang dan kelekatu berjatuh ke dalamnya. Maka aku mencegah kalian, namun kalian melemparkan diri ke dalamnya*” (Hadis. Muslim. Bab Syafaqatih Sallallahu ‘Alaihi Wa Salam ‘Ala Ummatihi Wa Mubalaghatih Fi Tahzirihi. 2284).

Dalam hadis di atas, Nabi SAW memberikan perumpamaan terhadap perbuatan orang yang jahil dan melampaui batas, iaitu mereka yang terus-menerus melakukan maksiat dan menuruti hawa nafsu. Perbuatan ini diumpamakan seperti kelekatu yang terbang menuju api tanpa berfikir terlebih dahulu kerana tidak berupaya membezakan antara bahaya dan keselamatan.

Mereka seolah-olah mencampakkan diri ke dalam api neraka dengan mengikuti kehendak syahwat. Golongan jahil dan melampaui batas ini cenderung untuk membinasakan diri mereka sendiri akibat kejahilan mereka, sedangkan Rasulullah SAW berusaha menghalang mereka daripada terjatuh ke dalam api neraka (al-Mubarakfuri, 2021). Selain itu, hadis di atas menjelaskan bahawa tujuan pengutusan Nabi SAW adalah untuk memberi khabar tentang ancaman azab di akhirat kepada manusia yang tidak beriman.

Baginda SAW menyampaikan dakwah demi menyelamatkan umat manusia daripada azab api neraka. Dengan perkataan lain, Rasulullah SAW mengajak manusia kepada agama Allah atas dasar kasih sayang terhadap mereka. Baginda menginginkan umat manusia mencapai kesejahteraan di dunia dan keselamatan di akhirat. Hal ini kerana keselamatan di akhirat adalah kejayaan sebenar bagi manusia. Firman Allah SWT:

﴿فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ﴾

Maksudnya, “Maka barangsiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya” (al-Quran. Ali ‘Imran: 185).

Justeru, menunjukkan rasa empati terhadap sasaran dakwah merupakan pendekatan yang perlu diterapkan dalam komunikasi interpersonal dakwah. Hal ini bagi

menzahirkan tujuan dakwah yang sebenar iaitu membawa manusia kepada keselamatan, kebaikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Pendekatan Keempat: Tidak Memotong Ucapan *Mad'u*

Salah satu pendekatan komunikasi interpersonal dalam dakwah yang baik ialah tidak memotong ucapan *mad'u* ketika sesi dialog dakwah berlangsung. Pendekatan ini digunakan oleh lelaki mukmin tersebut dalam dialog dakwah beliau. Situasi ini dapat dilihat melalui ayat 36 dan 37 surah Ghafir, ketika Firaun memerintahkan Haman (salah seorang menteri) membina sebuah bangunan tinggi untuk sampai ke pintu-pintu langit.

Ucapan ini ialah ungkapan kekufuran dan pembangkangan Firaun, di mana dia menganggap Nabi Musa a.s berdusta tentang risalah yang dibawa oleh baginda a.s (Ibn Kathir, 2003). Ketika Firaun mengucapkan ucapan tersebut, lelaki Mukmin ini tidak membantah ucapan tersebut atau memotong ucapan Firaun, malah mendengarkannya dengan tenang sehingga ucapan tersebut selesai (Quraish Shihab, 2003).

Dalam konteks komunikasi interpersonal dalam dakwah, memotong ucapan *mad'u* tanpa keperluan yang jelas boleh menjejaskan adab dialog serta menghalang pembentukan komunikasi yang berkesan. Sikap memberi ruang kepada *mad'u* untuk menyelesaikan ucapannya, walaupun mengandungi unsur penentangan, mencerminkan tahap kesabaran dan kebijaksanaan pendakwah dalam komunikasi dakwah, serta berfungsi mengekalkan kesinambungan dialog.

Selain itu, memotong perbincangan orang lain juga dapat mengubah dan menghilangkan informasi yang akan disampaikan sehingga orang yang sedang berbicara tersebut mungkin terlupa tentang apa yang sedang dibicarakan serta dapat menimbulkan salah faham. Oleh kerana itu, saat ada orang lain berbicara seeloknya tunggu lawan bicara selesai menyampaikan apa yang ingin disampaikan, setelah itu barulah kita memberi respon sekiranya perlu (Nurrul Khasanah et.al, 2021).

Sikap ini melambangkan adab dalam menyampaikan dakwah. Menahan diri daripada memotong ucapan lawan bicara dan menjadi pendengar yang baik ialah salah satu seni yang perlu dipelajari oleh setiap pendakwah, sebagaimana berkata al-Hasan bin Ali:

تعلم حسن الاستماع كما تعلم حسن القول ولا تقطع على أحد حديثه

Maksudnya, "*Pelajarilah adab mendengar dengan baik sebagaimana engkau mempelajari adab berbicara dengan baik. Jangan sekali-kali engkau memotong percakapan seseorang*" (Al-Kharaiti, 2006).

Mendengar ialah kunci komunikasi yang efektif. Adab mendengar mencakupi diam dan memberikan perhatian penuh kepada pembicara. Konsep adab dalam Islam memainkan peranan penting dalam komunikasi interpersonal kerana ia bukan sekadar etika sosial, tetapi juga sebahagian daripada iman dan ibadah.

Adab dalam komunikasi menzahirkan akhlak mulia melalui perkataan dan perbuatan yang baik, sekali gus membina suasana komunikasi yang positif, beretika, dan berkesan (Subhan Afifi, 2023). Amalan mendengar dengan penuh tumpuan, menunggu giliran sebelum bercakap, dan menghadap pembicara dengan sopan merupakan asas komunikasi beradab.

Islam juga menekankan penghormatan terhadap orang tua dan mereka yang lebih berautoriti, dengan memberikan keutamaan kepada mereka untuk bercakap terlebih dahulu (Subhan Afifi, 2023). Selain itu, tidak memotong perbincangan juga merupakan bentuk penghormatan kepada lawan bicara. Menunggu sehingga ucapan pembicara selesai, lalu menyampaikan pendapat kita dengan sopan. Adab sebegini menunjukkan penghargaan kepada orang lain dan sebahagian daripada akhlak mulia.

Adab komunikasi ini juga sering ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ketika berbicara dengan orang sekeliling. Baginda SAW sentiasa mendengarkan dan memberikan kesempatan kepada lawan bicaranya. Nabi SAW tidak membantah dan tidak memotong

ucapan orang lain (Rosniar, 2019), seperti dialog antara Rasulullah SAW dengan 'Utbah bin Rabi'ah.

Dalam sejarah Islam dialog ini begitu populer, yaitu ketika 'Utbah, yang mewakili tokoh-tokoh musyrikin Makkah menghadap Rasulullah SAW dan menawarkan kepada baginda SAW harta, kehormatan, dan kekuasaan dengan harapan Nabi SAW meninggalkan misi dakwah yang dilakukannya. Dalam peristiwa tersebut, Nabi SAW mempersilakan 'Utbah berbicara terlebih dahulu dengan bersabda, "*Katakanlah wahai Abu Walid, aku mendengarkannya*" (*Qul ya Abal Walid, asma*).

Setelah 'Utbah selesai berbicara, Rasulullah SAW bersabda: "*Adakah kamu telah selesai (berbicara) wahai Abu Walid?*" 'Utbah menjawab: "*Ya*", lalu Rasulullah bersabda: "*Maka dengarkanlah daripadaku pula*" (Ibn Kathir, 2003). Sikap yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ini menunjukkan kesantunan ketika berbicara dengan mad'u. Ia melambangkan perbicaraan yang beretika, sehingga menghasilkan proses dialog yang berkesan serta terjalin hubungan yang harmoni antara orang yang berdialog.

Adab dalam komunikasi interpersonal Islam meliputi kesantunan dalam pertuturan, mendengar dengan penuh perhatian, menghormati yang lebih tua atau berilmu, serta mengelakkan gangguan terhadap orang lain ketika berbicara. Pelaksanaan prinsip ini bukan sahaja memastikan keberkesanan komunikasi, bahkan menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni, beretika, dan berakar pada prinsip Islam (Subhan Afifi, 2023).

Prinsip komunikasi Islam merangkumi tiga elemen utama iaitu adab komunikator, kandungan mesej, dan etika komunikasi (Nurul Nadirah et al, 2022). Prinsip ini menegaskan bahawa komunikasi yang berkesan lahir daripada moral komunikator, ketepatan mesej, serta adab penyampaiannya. Oleh itu, pendakwah perlu mempelajari seni mendengar dengan baik, kerana kemahiran mendengar yang baik akan membina hubungan harmoni dengan *mad'u*, selain mempraktikkan adab Islam dalam menyampaikan dakwah.

Pendekatan Kelima: Pendekatan Rasional Dalam Dakwah

Pendekatan rasional dalam dakwah merujuk kepada strategi penyampaian yang berasaskan kebijaksanaan (hikmah), hujah logik serta sandaran ilmu yang sahih. Dalam konteks komunikasi interpersonal dakwah, pendekatan ini amat signifikan kerana ia membolehkan mesej Islam disampaikan secara berkesan dengan menyentuh dimensi akal dan hati sasaran dakwah.

Kisah lelaki beriman dalam surah Ghafir ayat 28–45 merupakan model unggul penerapan pendekatan rasional dalam dakwah interpersonal. Menurut Sayyid Qutb (2000), lelaki mukmin ini menasihati Firaun dan para pembesarnya dengan bahasa yang halus, hujah yang tersusun serta peringatan yang mampu mengetuk kesedaran akal dan rohani mereka.

Pendekatan rasional ini dapat dilihat secara jelas melalui hujah awal lelaki beriman tersebut yang mengajak kaumnya menilai secara objektif tindakan mereka terhadap Nabi Musa a.s. Firman Allah SWT:

﴿ وَقَالَ رَجُلٌ مُّؤْمِنٌ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَانَهُ أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَنْ يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ وَقَدْ جَاءَكُمْ بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّكُمْ وَإِنْ يَكُ كَذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُ وَإِنْ يَكُ صَادِقًا يُصِيبْكُمْ بَعْضُ الَّذِي يَعِدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ ﴾

Maksudnya, Dan (pada saat itu) berkatalah pula seorang lelaki yang beriman dari orang-orang Firaun yang menyembunyikan imannya: "Patutkah kamu membunuh seorang lelaki kerana ia menegaskan: Tuhanku ialah Allah? sedang ia telah datang kepada kamu membawa keterangan-keterangan dari Tuhan kamu? Kalau ia seorang yang berdusta maka dia lah yang akan menanggung dosa dustanya itu, dan kalau ia seorang yang benar nescaya kamu akan ditimpa oleh sebahagian dari (azab) yang dijanjikannya kepada kamu. Sesungguhnya Allah

tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang yang melampaui batas, lagi pendusta." (al-Quran. Ghafir: 28).

Ayat ini memaparkan hujah rasional berbentuk pertimbangan risiko dan manfaat (*risk-benefit analysis*).

Beliau mengajak mereka berfikir tentang rasionaliti tindakan mereka untuk membunuh Nabi Musa a.s.; "Patutkah kamu sekalian hendak membunuh seseorang yang tidak melakukan sebarang perbuatan jenayah, semata-mata kerana dia mengucapkan "Allah Tuhanku", tanpa kamu mengkaji akibat daripada keputusan yang kamu ambil itu. Apakah risikonya di sebalik kata-kata kamu itu" (Salahuddin Abdullah & Omar Khalid, 2015).

Lelaki beriman tersebut tidak memaksa kaumnya menerima dakwah, sebaliknya mengajak mereka berfikir secara logik: sekiranya Nabi Musa a.s. berdusta, dusta itu hanya memudaratkan dirinya, tetapi jika Nabi Musa a.s. benar, ancaman azab pasti menimpa mereka. Pendekatan "untung-rugi" ini merupakan hujah rasional yang menghormati kebebasan berfikir pendengar serta memberi ruang kepada penilaian sendiri. Ia memberi ruang kepada pendengar untuk berfikir sendiri, bukan dipaksa menerima. Kaedah ini menunjukkan komunikasi interpersonal dakwah yang dialogik dan tidak bersifat autoritarian.

Selain itu, penggunaan istilah *bayyinat* dalam ayat 28 dan 34 Surah Ghafir memperkukuh pendekatan rasional lelaki mukmin tersebut. *Bayyinat* merujuk kepada bukti-bukti yang jelas dan nyata, termasuk mukjizat serta keterangan wahyu yang membuktikan kebenaran risalah para rasul (al-Baydawi, 1997). Lelaki beriman ini mengajak kaumnya merenung bukti-bukti yang dibawa oleh Nabi Musa a.s., termasuk sembilan mukjizat yang disaksikan oleh Firaun dan pengikutnya (al-Durrah, 2009).

Bukti-bukti ini bersifat rasional kerana ia dapat difikirkan dan dinilai secara logik serta sukar untuk dipertikaikan. Namun, penolakan Firaun terhadap bukti tersebut berpunca daripada keangkuhan dan kepentingan kuasa, bukan kerana kelemahan hujah (Quraish Shihab, 2003). Pendekatan rasional lelaki mukmin ini turut diperkukuh lagi melalui penggunaan strategi naratif sejarah. Beliau mengingatkan kaumnya tentang kebinasaan umat-umat terdahulu yang ingkar terhadap rasul-rasul Allah, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ آمَنُوا يَوْمَ يَأْتِي بَنِي إِسْرَائِيلَ رَسُولٌ لَهُمْ قَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ الرَّسُولِ الْمُرْسَلِينَ ﴿٣٠﴾ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ لِقَوْمٍ يُعَذِّبُ اللَّهُ عَنْهُمْ بَعْدَ إِسْرَائِيلَ وَأُولَئِكَ أَمْثَلُ الْقَوْمِ الْفَاسِقِينَ ﴿٣١﴾ ﴾

Maksudnya, "Dan berkatalah pula orang yang beriman itu: "Wahai kaumku! Sesungguhnya aku bimbang kamu akan ditimpa (kebinasaan) sebagaimana yang telah menimpa kaum-kaum yang bergabung (menentang Rasul-rasulnya)! "(Iaitu) seperti keadaan kaum Nabi Nuh, dan Aad (kaum Nabi Hud), dan Thamud (kaum Nabi Soleh), serta orang yang datang kemudian daripada mereka (seperti kaum Nabi Lut). Dan (ingatlah) Allah tidak menghendaki berbuat kezaliman kepada hamba-hambanya" (al-Quran. Ghafir: 30-31).

Metode ini digunakan untuk mengingatkan kaumnya tentang sejarah umat terdahulu yang binasa akibat kekufuran sebagai hujah empirikal bagi menunjukkan akibat yang pasti menimpa mereka jika terus menolak kebenaran. Hujah sejarah ini bersifat rasional kerana ia berpaksikan fakta yang diketahui masyarakat dan membina hubungan sebab-akibat yang jelas iaitu umat yang mendustakan rasul akan menerima azab sebagai pengajaran kepada generasi seterusnya.

Dalam komunikasi interpersonal, rujukan sejarah berfungsi sebagai cermin refleksi agar pendengar menilai kesalahan dan risiko tindakan mereka. Lelaki beriman tersebut juga mengingatkan kaumnya tentang kesilapan mereka terhadap Nabi Yusuf a.s., sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ جَاءَكُمْ يُوسُفُ مِنْ قَبْلُ بِالْبَيِّنَاتِ فَمَا زِلْتُمْ فِي شَكٍّ مِمَّا جَاءَكُمْ بِهِ حَتَّىٰ إِذَا هَلَكَ قُلْتُمْ لَن يَبْعَثَ اللَّهُ مِنْ بَعْدِهِ رَسُولًا كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ مُرْتَابٌ﴾

Maksudnya, “Dan demi sesungguhnya! Nabi Yusuf telah datang kepada kamu dahulu dengan membawa keterangan-keterangan (yang membuktikan kerasulannya), maka kamu tetap juga dalam keraguan mengenai apa yang disampaikan kepada kamu sehingga apabila ia wafat, kamu berkata: Allah tidak akan mengutus lagi Rasul sesudahnya; demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang melampau kederhakaannya, lagi yang ragu-ragu kepercayaannya (terhadap balasan Tuhannya).” (al-Quran. Ghafir: 34).

Ayat ini menegaskan bahawa sikap meragui kerasulan dan menolak bukti kebenaran merupakan pola berulang dalam sejarah manusia. Oleh itu, Nabi Musa a.s. dilihat sebagai penyambung risalah tauhid yang wajar diterima, bukan ditolak. Pendekatan ini menggabungkan hujah berasaskan sejarah, perbandingan pengalaman, serta peringatan rasional sebagai mekanisme pengukuhan mesej dakwah.

Selain hujah sejarah, lelaki mukmin tersebut turut mengemukakan hujah rasional berkaitan ketidakupayaan berhala atau sembah selain Allah:

﴿لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِي إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُ دَعْوَةٌ فِي الدُّنْيَا وَلَا فِي الْآخِرَةِ﴾

Maksudnya, “Tidak syak lagi, bahawa makhluk-makhluk yang kamu ajak aku menyembahnya itu tidak dapat menyahut sebarang seruan (atau memberikan sebarang pertolongan) sama ada di dunia atau di akhirat...” (al-Quran. Ghafir: 43).

Hujah ini bersifat logik kerana sesuatu yang tidak berkuasa terhadap dirinya sendiri tidak mungkin mampu memberi manfaat atau pertolongan kepada orang lain (al-Zuhaili, 2014). Pendekatan ini sejajar dengan tradisi dakwah para rasul, termasuk Nabi Ibrahim a.s. yang menggunakan hujah rasional untuk menolak penyembahan berhala.

Rohaily dan Nor Raudah (2018) berpandangan bahawa Nabi Ibrahim a.s. mengaplikasikan pendekatan dakwah yang sangat rasional dan berhikmah melalui hujah logik dalam dialog dengan kaumnya. Selepas memusnahkan berhala, baginda mengemukakan soalan rasional untuk mencabar penyembahan berhala, sebagaimana firman Allah SWT: “Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat sendiri...” (al-Quran. as-Saffat: 95–96).

Pendekatan yang sama turut digunakan dalam Surah al-Anbiya’ (ayat 62–67) melalui soalan retorik yang menggerakkan akal kaumnya agar menilai ketidakupayaan berhala, baginda a.s berkata: “Jika demikian, mengapa kamu masih menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan manfaat atau mudarat kepada kamu? Mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran?” Pendekatan Nabi Ibrahim ini menunjukkan kombinasi keberanian dan hikmah.

Baginda tegas berhujah secara rasional walaupun berhadapan tentangan, dan pertanyaan “*afala ta’qilun?* (mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?)” ialah satu ajakan agar kaumnya berfikir sendiri tentang kesalahan mereka. Walaupun berhadapan tentangan, hujah logik Nabi Ibrahim a.s. sempat menyedarkan kaumnya tentang kesalahan mereka, sekali gus membuktikan bahawa rasionaliti dan kebijaksanaan merupakan prinsip asas dalam tradisi dakwah para rasul.

Secara keseluruhan, rasionaliti merupakan asas penting dalam dakwah Islam kerana al-Quran berulang kali menggesa manusia menggunakan akal melalui konsep *tafakkur*, *tadhakkur*, *nazar*, *i’tibar*, *tadabbur* dan *istibsar*. *Tafakkur* ialah menggunakan pemikiran untuk memahami kebenaran; *tadhakkur* mengingat kembali ilmu yang pernah diketahui agar tidak dilupakan.

Nazar ialah mengarahkan perhatian hati terhadap sesuatu objek untuk diperhatikan secara mendalam; *i’tibar* bermaksud berpindah daripada satu pengetahuan

kepada pengetahuan lain sebagai ibrah; *tadabbur* ialah suatu usaha memikirkan akibat dan kesudahan sesuatu perkara; *istibshar* ialah menyingkap hakikat sesuatu dengan jelas sehingga tampak pada pandangan hati (Fikra, 2023). Penggunaan istilah-istilah ini dalam al-Qur'an menunjukkan bahawa Islam menuntut manusia untuk membina kefahaman agama melalui proses intelektual dan renungan mendalam, bukan dengan taklid buta.

Dalam konteks dakwah kontemporari, pendekatan rasional amat relevan bagi masyarakat moden yang berfikir secara kritis dan memerlukan hujah ilmiah serta berasaskan fakta (Suwari & Pradesa, 2019). Pendekatan ini menjadikan dakwah lebih dialogis, tidak memaksa, serta mampu meyakinkan akal dan menyentuh hati. Oleh itu, pendekatan rasional dalam komunikasi interpersonal dakwah bukan sahaja memperkukuh penyampaian mesej Islam, malah mengekalkan keaslian metodologi dakwah al-Quran yang bersifat hikmah, logik dan berteraskan ilmu.

Pendekatan Keenam: Pendekatan (Uslub) Targhib Dan Tarhib

Pendekatan *targhib* dan *tarhib* merupakan antara uslub utama dalam dakwah yang berfungsi sebagai mekanisme motivasi dan kawalan dalaman kepada manusia. *Targhib* merujuk kepada pendekatan dakwah berbentuk galakan dan motivasi untuk mendorong ketaatan kepada Allah SWT, manakala *tarhib* pula ialah pendekatan berbentuk ancaman dan peringatan agar manusia menjauhi perbuatan buruk dan kemungkaran (Jamil, 2013).

Dalam konteks dakwah, *targhib* berfungsi sebagai pujukan ke arah kebaikan, manakala *tarhib* bertindak sebagai penggerunan kepada keburukan. Al-Quran menjadikan kedua-dua pendekatan ini sebagai asas dalam penyampaian dakwah bagi mengingatkan manusia agar sentiasa berada pada jalan yang diredhai Allah SWT (Syed Abdurahman, 2005).

Keperluan *targhib* dan *tarhib* dalam dakwah dapat dilihat daripada kesesuaiannya dengan fitrah manusia yang secara semula jadi cenderung kepada perkara yang mendatangkan kebaikan dan manfaat, serta menjauhi perkara yang membawa mudarat dan kebinasaan, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Pendekatan *targhib* membimbing sasaran dakwah agar termotivasi untuk melaksanakan ketaatan dan amal soleh, manakala *tarhib* menimbulkan rasa gerun terhadap akibat buruk mendekati larangan syarak.

Dengan itu, kedua-dua pendekatan ini berperanan sebagai pengimbang emosi takut dan harap dalam diri manusia ketika menghadapi pertarungan antara kebenaran dan kebatilan (Syed Abdurahman, 2005). Dalam dakwah lelaki mukmin kepada Firaun dan kaumnya sebagaimana yang dirakamkan dalam surah Ghafir, kedua-dua uslub *targhib* dan *tarhib* diaplikasikan secara seimbang dan berkesan. Uslub *targhib* dapat dilihat dengan jelas pada ayat ke-40 surah Ghafir, apabila lelaki beriman tersebut menyebutkan ganjaran syurga bagi golongan yang beriman dan beramal soleh:

﴿مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أَنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ﴾

Maksudnya, "Sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan jahat maka ia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya; dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh - dari lelaki atau perempuan - sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga; mereka beroleh rezeki di dalam Syurga itu dengan tidak dihitung." (al-Quran. Ghafir: 40).

Ayat ini menzahirkan pendekatan *targhib* melalui penegasan tentang keadilan Allah SWT serta ganjaran syurga yang tidak terhingga kepada hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Ganjaran tersebut berfungsi sebagai dorongan agar manusia istiqamah dalam tauhid dan ibadah, serta menjauhi cara hidup yang bercanggah dengan ajaran Islam. Sebaliknya, uslub *tarhib* pula digunakan untuk memperingatkan manusia tentang hakikat

sementara kehidupan dunia dan kepastian kehidupan akhirat. Hal ini dapat dilihat pada ayat ke-39 Surah Ghafir:

﴿يَقَوْمِ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَّعٌ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ﴾

Maksudnya, "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal" (al-Quran. Ghafir: 39).

Ayat ini berfungsi sebagai peringatan agar manusia tidak terpedaya dengan kesenangan dunia yang bersifat sementara, sebaliknya memberi fokus kepada kehidupan akhirat yang kekal abadi. Uslub *tarhib* turut diperkuatkan dengan peringatan tentang azab dan kebinasaan yang menanti golongan yang mensyirikkan Allah dan melakukan kezaliman, sebagaimana yang disebutkan dalam ayat ke-32 dan 33 surah Ghafir.

Peringatan ini menunjukkan bahawa masyarakat pada ketika itu mempercayai kewujudan kebangkitan semula dan pembalasan di akhirat (Habannakah al-Maidani, 2014). Selain ancaman akhirat, *tarhib* juga disampaikan melalui peringatan terhadap azab di dunia, iaitu perubahan daripada keadaan sejahtera kepada kebinasaan. Contohnya, ayat ke-30 dan 31 surah Ghafir mengingatkan tentang kehancuran umat-umat terdahulu seperti kaum Nabi Nuh, Nabi Hud dan Nabi Soleh yang menentang rasul-rasul Allah.

Peringatan ini bersifat empirikal kerana kisah-kisah tersebut diketahui oleh masyarakat Mesir pada waktu itu (Habannakah al-Maidani, 2014). Tambahan pula, kisah kebinasaan Firaun dan bala tenteranya yang ditenggelamkan di laut menjadi contoh nyata akibat keangkuhan dan penolakan terhadap dakwah, diikuti dengan azab yang bersifat kekal di akhirat.

Kesimpulannya, pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam surah Ghafir memperlihatkan bahawa dakwah yang berkesan memerlukan keseimbangan antara galakan dan peringatan. Pendakwah perlu mengaplikasikan kedua-dua uslub ini secara seimbang agar perasaan takut tidak membawa kepada keputusan daripada rahmat Allah, dan perasaan harap tidak pula menimbulkan rasa selamat yang melampau daripada azab-Nya.

Targhib berperanan mendorong manusia melakukan amal soleh, manakala *tarhib* menghalang mereka daripada melakukan dosa dan kemungkaran (Syed Abdurahman, 2005). Pendekatan seimbang ini menjadikan komunikasi interpersonal dalam dakwah lebih berkesan, menyentuh emosi, dan membimbing sasaran dakwah ke arah ketaatan yang berterusan kepada Allah SWT.

Pendekatan Ketujuh: Penekanan Terhadap Elemen Akidah Dalam Dakwah

Penekanan terhadap elemen akidah merupakan asas utama dalam penyampaian dakwah kerana akidah ialah tunjang kepada agama Islam. Dalam konteks dakwah masa kini, aspek akidah perlu diberi keutamaan oleh para pendakwah kerana ia menentukan hala tuju kefahaman, amalan dan pembentukan akhlak seseorang Muslim. Elemen akidah merupakan unsur bersifat kritikal yang perlu diberikan perhatian oleh para pendakwah pada masa kini (Elma Natasya & Abdul Ghafar, 2024).

Akidah Islam merangkumi keimanan yang pasti terhadap Allah SWT, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari akhirat serta qada' dan qadar. Oleh itu, komunikasi interpersonal dalam dakwah hendaklah dimulakan dengan pengukuhan akidah sebelum menyentuh aspek lain seperti ibadah dan akhlak. Hal ini kerana pegangan akidah yang kukuh akan menatijahkan ketaatan terhadap hukum-hakam syariah dan seterusnya membentuk akhlak yang mulia (Zulkefli et al., 2018).

Keutamaan akidah dalam dakwah dapat dilihat dengan jelas dalam pendekatan dakwah para rasul. Rasulullah SAW sendiri mendahulukan mesej akidah dalam dakwah, termasuk ketika menyampaikan dakwah kepada pemerintah Rom melalui sepucuk surat yang sarat dengan seruan tauhid:

{ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، مِنْ مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ إِلَى هِرَقْلَ عَظِيمِ الرُّومِ، سَلَامٌ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى، أَمَّا بَعْدُ، فَإِنِّي أَدْعُوكَ بِدِعَايَةِ الْإِسْلَامِ أَسْلِمَ تَسْلَمَ }

Maksudnya, "Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad utusan Allah kepada Hercules, Raja Romawi. Semoga kesejahteraan tetap dicurahkan kepada siapa yang mengikut petunjuk Allah. Setelah itu, aku mengajak kamu kepada seruan Islam, masuk Islamlah kamu, pasti kamu selamat." (Hadis. Muslim. Bab Kitab al-Nabi Sallallahu 'Alaihi Wa Salam Ila Hirakla Yad'uhu Ila al-Islam. 1773).

Hadis ini menunjukkan bahawa dakwah dimulakan dengan mesej akidah iaitu seruan untuk memeluk Islam sebelum tuntutan lain disampaikan.

Prinsip yang sama dapat dilihat ketika Rasulullah SAW mengutuskan Muaz bin Jabal RA ke Yaman, sabda baginda SAW yang bermaksud:

"Engkau akan mendatangi kaum ahli kitab, apabila kamu sampai kepada mereka maka serulah mereka untuk bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan Muhammad adalah utusan-Nya. Jika mereka mentaati perkara itu, maka beritahulah bahawa Allah telah mewajibkan kepada mereka solat lima waktu sehari semalam. Jika mereka mentaati perkara itu, maka beritahulah bahawa Allah telah mewajibkan kepada mereka untuk mengeluarkan zakat harta mereka, diambil dari orang kaya mereka dan diberikan kepada orang yang miskin dari mereka. Jika mereka mentaati perkara itu, maka berhati-hatilah engkau dari mengambil harta milik mereka yang baik, takutlah engkau dengan doa orang yang dizalimi, sebab tidak ada penghalang antara doa tersebut dengan Allah" (Hadis. al-Bukhari. Bab Akhzhhi Shadaqah Min al-'Aghniya' Wa Turadda Fi al-Fuqara' Haitsu Kaanu. 1496).

Hadis ini menegaskan bahawa penyampaian kewajipan agama seperti solat dan zakat hanya dilakukan selepas sasaran dakwah menerima asas akidah dengan mengucapkan dua kalimah syahadah (Al-Ghamidi, 1999). Hal ini membuktikan bahawa akidah merupakan teras utama dakwah Islam.

Selaras dengan prinsip tersebut, dakwah Nabi SAW ketika berada di Makkah tertumpu kepada pemurnian akidah dan pengukuhan tauhid masyarakat. Surah Ghafir sebagai surah Makkiyyah turut menekankan aspek akidah tanpa menyentuh perincian hukum-hakam. Hal ini kerana akidah yang benar akan melahirkan ketaatan kepada syariat dan seterusnya menghasilkan kesempurnaan akhlak. Penekanan ini jelas terlihat dalam ayat 41-43 surah Ghafir:

﴿ وَيَقُولُ مَا لِيَ أُدْعُوكُمْ إِلَى التَّجْوِيزِ وَتَدْعُونَنِي إِلَى النَّارِ ۗ تَدْعُونَنِي لِأَكْفُرَ بِاللَّهِ وَأَشْرِكَ بِهِ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَأَنَا أَدْعُوكُمْ إِلَى الْعَزِيزِ الْعَقْبَرِ ۗ لَا جَرَمَ أَنَّمَا تَدْعُونَنِي إِلَيْهِ لَيْسَ لَهُ دَعْوَةٌ فِي الدُّنْيَا وَلَا فِي الْآخِرَةِ ۗ وَأَنْ مَرَدَّنَا إِلَى اللَّهِ وَأَنَّ الْمُسْرِفِينَ هُمْ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ ﴾

Maksudnya: "Dan wahai kaumku! Apa halnya aku dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku ke neraka? Kamu mengajakku supaya aku kufur (tidak percayakan keesaan) Allah dan mempersekutukanNya dengan apa yang aku tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, padahal aku mengajak kamu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun? Tidak syak lagi, bahawa makhluk-makhluk yang kamu ajak aku menyembahnya itu tidak dapat menyahut sebarang seruan (atau memberikan sebarang pertolongan) sama ada di dunia atau di akhirat; dan sesungguhnya tempat kembali kita semua ialah kepada Allah, dan sebenarnya orang yang melampau kejahatannya itu, merekalah ahli neraka" (al-Quran. Ghafir: 41-43).

Ayat-ayat ini merakamkan dialog dakwah lelaki mukmin kepada Firaun dan para pembesarnya yang dimulakan dengan penegasan akidah. Lelaki beriman tersebut menolak

ajakan syirik kerana ketiadaan dalil yang membenarkannya, di samping menyeru kepada tauhid dan memperkenalkan dua sifat Allah iaitu *al-'Aziz* dan *al-Ghaffar*. Ayat ini juga menjelaskan akibat kekufuran dan kesyirikan serta balasan yang menanti golongan yang ingkar di dunia dan akhirat (Al-Sabuni, 2020).

Pengkaji mendapati ayat ini memfokuskan salah satu pendekatan penting komunikasi interpersonal dalam dakwah iaitu pengutamaan terhadap aspek akidah dalam penyampaian dakwah. Antara aspek akidah dalam ayat ini ialah seruan untuk menyembah Allah dan mentauhidkan-Nya, larangan menyekutukan Allah dengan sembah lain serta memperkenalkan sifat-sifat Allah.

Selain itu, penekanan terhadap keimanan kepada hari akhirat turut dijelaskan dalam ayat ke-43 surah Ghafir. Menurut Habannakah al-Maidani (2014), ayat ini menegaskan bahawa manusia akan kembali kepada Allah SWT untuk dihisab dan bahawa golongan yang melampaui batas akan menjadi penghuni neraka. Selain itu, dakwah lelaki mukmin turut menekankan sifat keadilan Allah dan keyakinan bahawa Allah tidak menzalimi hamba-Nya, sebaliknya azab diturunkan hanya setelah seruan dakwah ditolak.

Elemen akidah juga dizahirkan melalui konsep tawakkal dalam ayat ke-44 surah Ghafir, firman Allah SWT:

﴿فَسْتَذْكُرُونَ مَا أَقُولُ لَكُمْ وَأَفَوضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ﴾

Maksudnya: "Maka kelak kamu akan ingat kepada apa yang aku katakan kepadamu. Dan aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya." (al-Quran. Ghafir: 44).

Ayat ini menggambarkan keteguhan akidah lelaki beriman yang menyerahkan sepenuhnya urusannya kepada Allah SWT, dengan keyakinan bahawa Allah Maha Melihat dan Maha Melindungi hamba-Nya. Menyerahkan urusan kepada Allah iaitu *tafwīdu al-amri ilā Allāh* menunjukkan tawakkal lelaki tersebut kepada Allah SWT.

Tawakkal tersebut ialah simbol keyakinan yang kukuh terhadap kekuasaan dan pemeliharaan Allah (Habannakah al-Maidani, 2014). Secara keseluruhan, penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah serta keyakinan bahawa Allah Maha Melihat merupakan manifestasi keteguhan akidah seorang pendakwah. Kesimpulannya, penekanan terhadap elemen akidah merupakan pendekatan utama dalam komunikasi interpersonal dakwah.

Pendakwah perlu mengutamakan seruan tauhid dan pemurnian akidah agar matlamat dakwah iaitu mengajak manusia menyembah Allah dan menghapuskan kesyirikan, dapat direalisasikan. Pendekatan ini mencontohi metodologi para rasul serta membezakan komunikasi dakwah Islam dengan pendekatan komunikasi Barat. Silibus komunikasi dakwah yang berpaksikan akidah tauhid akan melahirkan pendakwah yang kompeten dan berhikmah dalam menyampaikan risalah Islam, sejajar dengan firman Allah SWT:

﴿ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ﴾

Maksudnya, "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." (al-Quran. Al-Nahl: 125).

RINGKASAN ANALISIS PENDEKATAN KOMUNIKASI INTERPERSONAL DALAM DAKWAH BERDASARKAN AYAT 28-45 SURAH GHAFIR



Rajah 1: Ringkasan Tujuh Pendekatan Komunikasi Interpersonal dalam Dakwah berdasarkan Ayat 28-45 Surah Ghafir

KESIMPULAN

Analisis terhadap ayat 28–45 surah Ghafir menunjukkan bahawa al-Quran menyediakan panduan komunikasi interpersonal dakwah yang komprehensif dan relevan sepanjang zaman. Kajian ini mengetengahkan model dakwah interpersonal berteraskan al-Quran melalui dialog seorang lelaki mukmin daripada keluarga Firaun, yang menampilkan pendekatan komunikasi yang strategik, berhikmah dan berkesan.

Dapatan kajian menegaskan bahawa keberkesanan dakwah tidak hanya bergantung kepada isi kandungan mesej, tetapi turut dipengaruhi oleh cara penyampaian yang mengambil kira psikologi dan latar belakang sasaran dakwah. Kajian ini mendapati bahawa elemen empati, penghormatan terhadap maruah serta pengiktirafan kedudukan *mad'u* memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan membuka ruang dialog yang konstruktif.

Di samping itu, penggunaan pendekatan rasional melalui hujah logik, bukti yang jelas dan dialog dua hala tanpa paksaan terbukti mampu mempengaruhi akal dan hati *mad'u*, selari dengan tuntutan al-Quran agar dakwah disampaikan secara hikmah. Keseimbangan antara *uslub targhib* dan *tarhib* juga dikenal pasti sebagai faktor penting dalam memastikan mesej dakwah menyentuh jiwa tanpa menimbulkan keputusan atau kelalaian. Akhirnya, penekanan terhadap akidah tauhid sebagai teras komunikasi dakwah menegaskan kesinambungan metodologi dakwah para rasul yang wajar dicontohi oleh pendakwah masa kini.

RUJUKAN

- Abd Hadi Borham., Abdul Rahim, M. M., & Abdullah, W. H. (2018). Faktor-Faktor Tarikan Dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. *Human Sustainability Procedia*. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/artice/view/118>
- 'Abd al-Karim Zaidan. (2002). *Usul al-Da'wah*. T.tp: Dar al-Risalah.
- Abu Sofi Hasbullah, A. S., Md. Hamdani, S., & Mat Sharif, E. A. (2023). Pengamalan Komunikasi Dakwah kepada Orang Asli di Negeri Selangor: The Practice of Dakwah

- Communication towards Orang Asli in Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 8(1),160-167. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.546>
- Ahmad Ghalwash. (1987). *Al-Dakwah al-Islamiyyah*. Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi Berkesan. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.32123.31524> (diakses pada 27 Julai 2025).
- Amru Khalid. (2021). *Khawathir Qur'aniyah: Kunci Memahami Tujuan Surat-surat al-Quran*. Pustaka al-Kautsar
- Al-Baydawi, Nasir al-Din Abu Said 'Abdullah. (1997). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1999). *Sahih Al-Bukhari*. Dar al-Kutub al-'Imiyyah.
- Citra Anggraini., Ritonga, D. H., Kristina, L., Syam, M., & Kustiawan, W. (2022). Komunikasi Interpersonal. *Jurnal Multidisiplin Dehasen (MUDE)*, 1(3), 337-342. <https://doi.org/10.37676/mude.v1i3.2611>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (t.t). Carian Umum. Retrieved from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kesamaan> (diakses pada 27 Julai 2025).
- Al-Durrah, Muhammad Ali Taha (2009). *Tafsir Al-Quran Al-Karim wa 'Irabuhu*. Dar Ibn Kathir.
- Elma Natasya, Y., & Abdul Ghafar, D. (2024). Pengukuhan Akidah dalam Melahirkan Pendakwah Kompeten di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 138-148. <http://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/518/804>
- Fikra, A. (2023). Strategi Dakwah Imam Ahmad Bin Hanbal dalam Menghadapi Penguasa Zalim dalam Kitab Bidāyah Wa An-Nihāyah Jilid Ke 15. *Bashirah: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 4 (2), 93-105. <https://doi.org/10.51590/bashirah.v4i2.549>
- Al-Ghamidi, M. (1999). *Al-Dakwah ila Allah fi Mayadiniha al-Thalathah al-Kubra*. Dar al-Tarfain.
- Habannakah al-Maidani, A. (2014). *Ma'arij al-Tafkir wa Daqa'iq al-Tadabbur*. Dar al-Qalam.
- Halimatus Sakdiah. (2017). Komunikasi Interpersonal sebagai Strategi Dakwah Rasulullah (Perspektif Psikologi). *Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah*, 15 (30), 1-3. <https://doi.org/10.18592/alhadharah.v15i30.1219>
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Dar al-Tunisiyah.
- Ibn Kathir, Ismail bin 'Umar bin Kathir. (2003). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Dar al-Risalah al-'Alamiah.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukarram bin Manzur. (1993). *Lisan al-'Arab*. Dar Sadir.
- Imam Sadili. (2020). Efektifitas Dakwah Menggunakan Perkataan Halus (Kajian Terhadap Al-Quran Surah Taha Ayat: 43-44). *Meyarsa: Jurnal Komunikasi dan Dakwah*, 1 (1), 27-39. <https://doi.org/10.19105/meyarsa.v1i1.3261>
- Jamil, I. (2013). *Konsep Al-Tarhib wa Al-Tarhib dan Aplikasinya Dalam Badan Dakwah di Medan Sumatera Utara Indonesia*. Universiti Sains Malaysia.
- Al-Kharaithi, Muhammad bin Jaafar. (2006). *Makarim al-Akhlak wa Ma'aliha wa Mahmud Tara'iqiha*. Maktabah al-Rush.
- Al-Kurani, Ahmad bin Ismail. (2008). *Al-Kauthar al-Jari ila Riyadh Ahadith al-Bukhari*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Mubarakfuri, M. (2021). *Tuhfah al-Ahwazi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi.
- Nor Diyanah, Z., Opir, H., & Yahaya, A. M. . (2023). Dakwah Interaktif Terhadap Golongan Belia Melalui Media Sosial: Interactive Preaching Towards Youth Through Social Media. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(2), 54-69. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.528>
- Nurqodriani, Suriyati, Jamaluddin, Makmur Jaya Nur, & Wafda. (2024). Implementasi Pendidikan Karakter Empati dalam Pembelajaran PAI di SMPN 5 Sinjai. *IMTIYAZ: Jurnal Ilmu Keislaman*, 97-105. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol2no1.45>

- Nurrul Khasanah, Lestari, Y. I., Nuraini, S., I.D, A. L., & Aeni, A. N. (2021). Pentingnya Etika Berbicara Dalam Perspektif Islam Bagi Mahasiswa Millennial. *Jurnal Abdimas Indonesia*, 1(4), 27-34. <https://doi.org/10.53769/Jai.V1i4.139>.
- Nurul Nadhirah A. H., N. N., Mohd Sofian, M. R., Mior Kamarulbaid, A., & Md. Ithnan, I. H. (2022). "Hello, Selamat Datang!" A preliminary proposed model of Tourism interpersonal communication from an Islamic perspective amongst frontliners . *Al i'lam - Journal of Contemporary Islamic Communication and Media*, 2(1), 125-139. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol2no1.45>
- Qadir al-Pakistani, Zakaria bin Ghulam. (2002). *Min Usul Fiqh 'ala Manhaj Ahl al-Hadith*. Dar al-Khazar.
- Quraish Shihab. (2003). *Tafsir Al-Mishbah*. Penerbit Lentera Hati.
- Rohaily A. H., & Nor Raudah H. S. (2018). Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Qur'an dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Journal of Usuluddin*, 46 (1), 23-44. <https://doi.org/10.55372/inteleksiajpid.v5i2.277>
- Rosniar, R. (2019). Prinsip Komunikasi Islam Tentang Dialog (Kajian Kepustakaan Terhadap Komunikasi Interpribadi). *Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan*, 5 (2). <https://doi.org/10.35673/ajdsk.v5i2.601>
- Al-Sabuni, M. (2020). *Sofwah Al-Tafasir*. Al-Dar al-'Alamiyyah.
- Safinah Ismail, Muhammad Aufa Haziq Nor Azman, Muhammad Aiman Syakir Aziz Mohamad, & Safarudin Rahim. (2020). *Dakwah Dan Komunikasi Interpersonal Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK 5 2020), UIS.
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsiah Si Rajab et al. (2021). *Komunikator Unggul*. Institut Aminuddin Baki.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Subhan Afifi. (2023). *Principles of Interpersonal Communication in Islam: A Theoretical Framework*. Proceedings of the International Conference on Islamic Social Sciences and Humanities, vol. 1, 121-134.
- Suwari, S., & Pradesa, D. (2023). Rasionalitas Islam dalam Dakwah: Perspektif Normatif dan Historis. *INTELEKSIA: Jurnal Pengembangan Ilmu Dakwah*, 5 (2), 241-262. <https://doi.org/10.55372/inteleksiajpid.v1i1.10>
- Syaari Ab. Rahman. (2023). *Kompas 114*. Seri Kembangan: Paradigma Ibrah.
- Sha'ban Abdul 'Ati 'Atiyyah, Ahmad Hamid Husayn, & Jamal Murad Hilmi. (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa bin Surah. (1996). *Al-Jami' al-Sahih: Sunan al Tirmizi*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zikmal Fuad & Ahmad 'Ato'a Mokhtar. (2014). *Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah: Satu Sorotan Ringkas*. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2014). *Tafsir al-Munir*. Gema Insani.
- Zulkefli Haji Aini & S. Salahudin Haji Suyurno. (2012). *Asas Komunikasi Dakwah*. Jabatan Dakwah dan Pengurusan Akademi Islam.
- Zulkefli, A., Abdul Ghafar, D., Ahmad Irdha, M., & Nur Uswah, A. (2018). Topik-Topik Komunikasi Dakwah Dalam Mesej Akidah Kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 3 (2), 15-21. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.56>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.